



# LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)

## SOALAN-SOALAN LAZIM SISTEM PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN VENDOR

### 1.0 Klasifikasi Sistem Komputer

#### 1.1 Perisian

**Apakah perisian yang perlu untuk menggunakan Sistem Informasi Kontraktor Dan Vendor ?**

- Sistem Operasi -Microsoft Windows 2000, XP, Vista (Service pack terkini)
- Pelayar Web -Perisian Internet Explorer 6.0 dan ke atas, Mozilla Firefox
- Perisian Adobe Reader 7.0.

#### 1.2 Perkakasan

**Apakah perkakasan yang perlu untuk menggunakan Sistem Informasi Kontraktor Dan Vendor ?**

- Set Komputer (Pentium III dan ke atas)
- Talian Internet (Keutamaan berkelajuan 512Kbps keatas)

### 2.0 Sistem Informasi Kontraktor Dan Vendor FELDA

#### 2.1 Apa itu Sistem Informasi Kontraktor Dan Vendor FELDA ?

Sistem Informasi Kontraktor Dan Vendor FELDA adalah satu kaedah pendaftaran syarikat oleh FELDA secara elektronik dan berpusat melalui Internet.

#### 2.2 Siapa yang perlu mendaftar ?

- Kontraktor atau Vendor yang berminat berurusan dengan FELDA, wajib mendaftar menggunakan Sistem Informasi Kontraktor Dan Vendor FELDA.
- Syarikat / Perniagaan yang mendaftar / diperbadankan di Malaysia sahaja. Seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

#### 2.3 Bagaimana proses pendaftaran ?

- Lawati laman web Sistem Informasi Kontraktor Dan Vendor (<http://eikof.felda.net.my>)
- Isi borang dengan lengkap dan tepat. Borang pendaftaran yang tidak lengkap akan menyebabkan pendaftaran dibatalkan.
- Cetak pengesahan penerimaan Sistem Informasi Kontraktor Dan Vendor dan dibawa bersama semasa sesi temu duga sebagai bukti pendaftaran dan rujukan.
- Pihak FELDA akan menghubungi anda untuk sesi temu duga.

#### 2.4 Berapa yuran pendaftaran ?



## LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)

### SOALAN-SOALAN LAZIM SISTEM PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN VENDOR

Setiap permohonan dikenakan Bayaran Pemprosesan sebanyak RM 53.00 termasuk GST (tidak dikembalikan). Bayaran hanya boleh dibuat dalam bentuk Wang Pos / Bank Draf atas nama **LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)** dan dibawa semasa sesi temu duga.

#### **PENTING!!**

Sila catatkan nama syarikat dan nombor pendaftaran syarikat (ROC) anda di belakang Wang Pos / Bank Draf tersebut untuk tujuan penyelarasan status bayaran.

#### **2.5 Bagaimana saya boleh mengetahui status permohonan pendaftaran saya ?**

Anda boleh mengetahui status permohonan pendaftaran anda dengan cara log masuk ke Sistem Informasi Kontraktor Dan Vendor menggunakan ID log masuk dan katalaluan yang telah pun anda wujudkan semasa mengisi borang pendaftaran secara online atau hubungi talian bantuan kami dan sertakan nombor pendaftaran syarikat anda.

#### **PERHATIAN:**

Sila pastikan ID log masuk dan katalaluan anda disimpan bagi rujukan anda di masa akan datang.

#### **2.6 Bagaimana saya boleh mendapatkan bantuan semasa proses mendaftar ?**

Untuk pertanyaan dan bantuan:

Tel: 03-2191 2163

E-mel: [eikof@felda.net.my](mailto:eikof@felda.net.my)

Alamat : Jabatan Tadbiran, Tingkat 40, Menara FELDA, Platinum Park, No.11 Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

#### **2.7 Apa yang perlu saya lakukan selepas saya melengkapkan proses pendaftaran kontraktor dan vendor ?**

Cetak dan simpan salinan pendaftaran untuk rujukan anda dan bukti pendaftaran.

### **3.0 Sesi Temu duga**

#### **3.1 Siapa yang akan dipanggil untuk temu duga ?**

Pemohon-pemohon yang telah mendaftar dengan lengkap akan dipertimbangkan untuk ditemu duga.

#### **3.2 Kenapa saya tidak dipanggil temu duga walaupun telah menghantar borang secara online ?**

Pastikan maklumat yang diisikan adalah lengkap serta mengesahkan semua maklumat adalah betul. Borang permohonan pendaftaran yang tidak lengkap tidak akan diproses.



## LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)

### SOALAN-SOALAN LAZIM SISTEM PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN VENDOR

#### 3.3 Bagaimana saya boleh mengetahui saya layak untuk ditemu duga ?

Pihak FELDA akan menghantar surat temu duga atau menghubungi anda di alamat dan nombor telefon seperti yang telah anda daftarkan. (Sila pastikan alamat surat menyurat dan nombor telefon anda tepat dan terkini)

#### 3.4 Bila saya akan dipanggil untuk ditemu duga ?

Dalam tempoh satu (1) bulan, pemohon-pemohon yang layak akan diberikan surat panggilan temu duga dan juga akan dihubungi melalui telefon / email.

#### 3.5 Apa yang saya perlu bawa semasa menghadiri sesi temu duga ?

Kesemua salinan asal dokumen di bawah perlu di bawa ketika menghadiri temu duga (yang berkaitan sahaja):

##### 3.5.1. Pemilikan Tunggal / Perkongsian

- i. Maklumat Perniagaan dan Pemilik Semasa
- ii. Perakuan Pendaftaran - Borang D
- iii. Lesen Berniaga - Borang B (Sabah)
- iv. Lesen Perdagangan - Borang I (Sarawak)
- v. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
- vi. Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
- vii. Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF)
- viii. Penyata Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir
- ix. Surat Kemudahan Kewangan daripada Institusi Kewangan/Pembekal
- x. Salinan Dokumen Berkaitan Dengan Pengalaman Kerja (LA/SPK/PO)
- xi. Bayaran Wang Pos / Bank Deraf sebanyak RM53 (termasuk GST).
- xii. Cetakan Salinan Pendaftaran Online

##### 3.5.2. Berhad / Sendirian Berhad

- i. Borang 9 - Akta Syarikat 1965
- ii. Borang 13 (jika berkenaan) - Akta Syarikat 1965
- iii. Borang 24 - Akta Syarikat 1965
- iv. Borang 49 - Akta Syarikat 1965
- v. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
- vi. Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
- vii. Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF)
- viii. Penyata Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir
- ix. Surat Kemudahan Kewangan daripada Institusi Kewangan/Pembekal
- x. Salinan Dokumen Berkaitan Dengan Pengalaman Kerja (LA/SPK/PO)



## LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)

### SOALAN-SOALAN LAZIM SISTEM PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN VENDOR

- xi. Bayaran Wang Pos / Bank Deraf sebanyak RM53 (termasuk GST).
- xii. Cetakan Salinan Pendaftaran Online

#### 3.5.3. Pertubuhan / Koperasi

- i. Sijil Perakuan Pendaftaran Koperasi/Persatuan/Pertubuhan
- ii. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
- iii. Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
- iv. Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF)
- v. Penyata Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir
- vi. Surat Kemudahan Kewangan daripada Institusi Kewangan/Pembekal
- vii. Salinan Dokumen Berkaitan Dengan Pengalaman Kerja (LA/SPK/PO)
- viii. Bayaran Wang Pos / Bank Deraf sebanyak RM53 (termasuk GST).
- ix. Cetakan Salinan Pendaftaran Online

#### 3.6 Di mana lokasi temu duga ?

Lokasi temu duga\*:

- i. Ibu Pejabat (Menara Felda).
- ii. Wilayah Alor Setar
- iii. Wilayah Gua Musang
- iv. Wilayah Jengka
- v. Wilayah Johor Bahru
- vi. Wilayah Kuantan
- vii. Wilayah Mempaga
- viii. Wilayah Raja Alias
- ix. Wilayah Sahabat
- x. Wilayah Segamat
- xi. Wilayah Terengganu
- xii. Wilayah Trolak

\*Tempat dan masa akan ditentukan.

#### 4.0 Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Dan Vendor

##### 4.1 Apakah itu Siji Akuan Pendaftaran Kontraktor Dan Vendor ?

Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Dan Vendor dikeluarkan bagi pemohon-pemohon yang telah berjaya dalam sesi temu duga.



## LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)

### SOALAN-SOALAN LAZIM SISTEM PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN VENDOR

#### 4.2 Bagaimana saya boleh mengetahui bila Sijil Akuan Pendaftaran saya dikeluarkan ?

Selepas ditemu duga dan sekiranya anda layak, pihak FELDA akan membuat penghantaran sijil melalui pos biasa. Anda dikehendaki memaklumkan kepada FELDA sekiranya ingin mengambil sendiri.

#### 4.3 Apakah kegunaan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Dan Vendor ?

Bagi kontraktor dan vendor yang telah memperolehi Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Dan Vendor, mereka berkelayakan dan berpeluang untuk berurusan dengan FELDA.

#### 4.4 Bilakah Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Dan Vendor saya tamat ?

Sijil akuan pendaftaran Kontraktor Dan Vendor adalah sah bagi tempoh **2 tahun** dari tarikh Sijil Akuan Pendaftaran dikeluarkan.

#### 4.5 Bagaimana saya mengetahui Tarikh Tamat Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Dan Vendor saya ?

Anda boleh melihat tarikh luput Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Dan Vendor anda dengan menyemak tarikh seperti yang tercetak pada Sijil Pendaftaran anda.

#### 4.6 Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Dan Vendor saya telah hilang / rosak ?

Kontraktor atau vendor boleh memohon untuk mendapatkan Sijil Akuan Pendaftaran baru bagi penggantian sijil pendaftaran yang hilang/rosak. Bayaran pemprosesan **sebanyak RM53.00 (termasuk GST) akan dikenakan.**